



Title of the Product/Project



MODEL PENGUBAHAN TINGKAH LAKU RUKUN 15

Group member

NOR AZAM BIN ABDULLAH

GAMAROFIZAN BT ZAINAL ABIDIN

AZLISHAM BIN ABDUL AZIZ

RUSLINA BT AHMAD

MOHD FAIZ BIN MOHD BAHARAN

RUSILAH BT ABDULLAH &
SAIDATUL ALWA HAFIZA BT AYUB @ ISMAIL

28


ABSTRACT

Rukun 15 adalah sebuah model perubahan dan tingkah laku mulia murid melalui pendekatan bicara sendiri atau *self-talk*. Pendekatan bicara sendiri ini masih kurang dipraktikkan dalam bidang pendidikan namun sering diaplikasikan dalam bidang sukan sebagai satu strategi meningkatkan pencapaian atlet. Reka bentuk model Rukun 15 dibina berasaskan model ADDIE dengan didasari atas lima konsep utama iaitu konsep niat, pemikiran bawah sadar, disiplin sendiri, bicara sendiri dan prinsip pengulangan. Dari sudut pelaksanaan, murid-murid akan melafazkan Rukun 15 dan mengulanginya beberpa kali sehari. Item Rukun 15 dipilih menggunakan alat Kanvas Strategi *Blue Ocean Strategy*. Dari sudut impak, murid memperlihatkan perubahan positif terutamanya dari sudut kekemasan diri dan persekitaran. Keputusan SPM juga menunjukkan peningkatan GPS yang sangat ketara dalam tempoh dua tahun di SMKA Kerian (3.33-1.97), SMA MAIWP (2.74-2.06) dan SBPI Rawang (1.70-1.38). Sehingga kini sebanyak 19 buah sekolah seluruh Malaysia telah mengadaptasi Rukun 15. Rukun 15 juga telah dibentangkan dalam seminar antarabangsa ICELAM (2019), program pengantarabangsaan Dayah Insan Qurani Aceh (2019) dan Seminar Kebangsaan LESTARI (2021).

INTRODUCTION


Kajian Tangney, Baumeister, dan Boone (2004) menunjukkan bahawa disiplin sendiri memberikan impak yang signifikan terhadap pencapaian akademik murid. Sebagai pemimpin sekolah, pengetua dan guru besar perlu merancang strategi-strategi inovatif bagi memantapkan tahap disiplin sendiri murid dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah murid-murid sekolah yang dipimpinya. Rukun 15 adalah inovasi program perubahan tingkah laku menggunakan pendekatan bicara sendiri untuk memantapkan disiplin sendiri murid, yang menatijahkan pembentukan sikap dan amalan mulia murid serta kecemerlangan pencapaian akademik.

PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF



Rukun 15 adalah sebuah model perubahan tingkah laku murid melalui pendekatan bicara sendiri. Murid-murid akan menyebut 15 sikap utama yang ditetapkan secara berulang-ulang kali pada waktu-waktu yang ditetapkan. Lama kelamaan amalan yang disebut berulang kali itu akan dijelmakan dalam perbuatan secara automatik, di bawah kawalan minda bawah sadar. Inovasi ini berdiri atas andaian sekiranya bicara sendiri boleh mengubah meningkatkan pencapaian atlet, sudah pasti pendekatan bicara sendiri boleh mengubah sikap dan tingkah laku murid bermula daripada akar umbinya iaitu sikap murid itu sendiri.

METHODOLOGY



SHARIAH COMPLIANCES

Program bermatlamatkan perubahan akhlak dan tingkah laku murid. Bukankah Rasulullah SAW sendiri diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia dan manusia bertanggung jawab memperbaiki dirinya sendiri ?

“LEADING INNOVATION”

SIGNIFICANCES

1. program ini menjurus kepada pembentukan tingkah laku dan akhlak mulia murid yang merupakan salah satu matlamat falsafah pendidikan kebangsaan.
2. program ini merawat isu kemenjadian dan tingkah laku murid terus kepada akar permasalahan iaitu sikap murid itu sendiri. jika sikap murid berjaya diubah, maka semua isu yang berkaitan dapat diselesaikan insyaallah.

NOVELTY/ ORIGINALITY

1. Pelopor penggunaan prinsip Bicara Kendiri dalam bidang pengurusan HEM.
2. Dibentangkan 1st International Conference On Educational Leadership And Management (ICELAM), 2019
3. Dibentangkan dalam Seminar Kelestarian Kecemerlangan SBP Kebangsaan, 2021.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

1. Tempat Kedua Pertandingan Amalan Terbaik Kaunseling Negeri Perak 2018.
2. Dibentang dalam Intl Conference on Educational Leadership & Management 2019
3. Program pengantarabangsaan Dayah Insan Qurani Aceh (2019)
4. Diterbitkan dalam Jurnal Kecemerlangan SBP, 2021
5. Diadaptasi oleh 19 buah sekolah seluruh Malaysia.